

MAJLIS PERASMIAAN MUZIUM PERUBATAN

KOTA KINABALU Rabu, 14 April 2010 - Majlis Perasmian Muzium Perubatan UMS telah diadakan bagi memperkenalkan spesimen-spesimen yang telah diplastikkan yang terdapat di Sekolah Perubatan, UMS

Majlis perasmian tersebut telah dihadiri oleh jemputan-jemputan khas UMS selain daripada kakitangan dan para pelajar Sekolah Perubatan.

Majlis Perasmian berkenaan telah disempurnakan oleh Y.Bhg Prof Dr Osman Ali yang mewakili Naib Canselor UMS, Ybhg. Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Hj. Ampon. Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Puan Dayang Rukiah Awg Amit, Ketua Perpustakaan UMS dan Prof Madya Dr Zainal Ariffin Mustapha selaku Pengurus Majlis Perasmian Muzium Perubatan UMS.

Ybhg. Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Hj. Ampon, Naib Canselor UMS, melalui ucapannya memberitahu bahawa peranan Muzium Perubatan tertumpu kepada dua perkembangan utama iaitu dalam aspek pendidikan dan aspek perhubungan dua hala. Dalam aspek pendidikan, Muzium Perubatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan, pengetahuan, dan meningkatkan kefahaman terhadap struktur anatomi manusia secara khusus. Dalam aspek perhubungan dua hala, Muzium Perubatan, UMS berperanan menjadi satu destinasi yang menarik dan informatif bagi para pelawat yang hadir ke muzium ini. Muzium Perubatan UMS menjadi salah satu tarikan utama bagi pelawat tempatan dan luar negara yang hadir ke universiti ini. Memandangkan Muzium Perubatan UMS ini merupakan muzium spesimen plastinasi yang pertama di Sabah.

Muzium ini memaparkan spesimen-spesimen yang telah diplastikkan. Tidak ketinggalan, spesimen-spesimen patologi turut dipamerkan dalam Muzium Perubatan ini. Justeru itu, Muzium Perubatan ini berperanan menjadi salah satu pusat pengenalan identiti Sekolah Perubatan UMS. Tahniah SPU!

Oleh : Nurul Izza Nordin

